

Kumpulan Cerpen

Dan
COKLAT
MENGALIR
DARI
RUANG
BUNCAH

MAWAR SAFEI



ANTARA RINDU XIANG SI DOU



“**K**ENAPA kau menangis di luar kelas lukisan Mrs. Dorota?”

Beberapa biji saga sudah memenuhi separuh perut uncang. Seraya memilih biji-biji saga di antara ranting halus dengan rumput yang berserakan, saya memilih untuk bertanyakan itu. Sekali-sekala jarinya menguis biji-biji merah yang terkepung di antara akar pokok *mu ma huang* yang lebar, tinggi dan rendang. Sekejap mata saya beralih ke arah bangunan sekolah di seberang padang yang penuh semak lalang. Kemudian, mata saya jatuh kembali kepadanya. Dia masih memungut biji-biji saga. *Xiang si dou*.

Belum sempat saya mengulang tanya, dia bersuara, “Saya sahabatmu yang sudah hilang keyakinan dan mudah mengalah, bukan?”

Seperti asakan naluri yang tiba-tiba menyerbu, saya tahu, angin yang berlalu juga seperti tidak pernah mahu bersetuju. Dia menangis. Dan, saya terlalu bodoh untuk berkata, “Sudahlah, jangan

menangis. Saya akan selalu di samping kamu.” Namun akhirnya, saya menutup mata dan cepat berkata, “Sudahlah, ayuh kita pulang dan jumpa malam nanti. Kau jangan lupa bawa lilin lebih, takut kehabisan, dan apabila tanglungmu gelap, kau akan menangis. Dan, aku yang letih memujuk!”

Uncangan sudah penuh. Dia tidak seperti biasa, mencubit lengan saya jika diusik begitu. Kali ini dia hanya berjalan terus ke arah lorong rumahnya setelah kami melintasi jalan di tepi deretan pokok *mu ma huang* yang tinggi dan menyeberang lagi sebuah padang lalang. Saya masih menemaninya dari sini. Namun, saya tahu dia akan datang malam nanti. Musim tanglung, antara musim kesukaan kami. Persis tahun-tahun sudah, kami akan membimbit tanglung masing-masing di hadapan surau tua. Di situ ada padang sepak raga, dan anak-anak kecil seperti kami akan bermain di tanah lapang itu selepas makan malam. Persis tahun sudah juga, saya akan menyelitkan kuih bulan di dalam saku celana. Saya akan ambil dari dapur mama. Persis kisah kuih bulan, saya ingin sahaja menyelitkan pesanan di dalamnya seperti yang dilakukan oleh rakyat ketika menentang pemerintah Mongul pada akhir Dinasti Yuan. Pesan saya antaranya berbunyi, “Kau jangan bersedih. Saya akan sentiasa menjadi sahabatmu.” Itulah janji saya dalam bulan lapan dalam takwim kami. Antara lemak biji teratai dengan manis kuih bulan, saya tahu mata cantiknya akan bersinar-sinar dalam gelap malam berjelaga bulan penuh.

DAN COKLAT MENGALIR DARI RUANG BUNCAH

Ya, malam itu dia datang. Saya sebenarnya sudah menanti lama. Saya tahu, dia akan datang seusai kelas al-Qurannya pada pukul 9.00 malam. Dan, kami semua akan berkumpul di padang kecil ini. Saya nampak dia berlari pulang dalam baju kurung dan tudung yang masih terikat. Sebentar kemudian, saya nampak ada cahaya tanglung dari lorong rumahnya. Saya tahu, dia sedang berjalan ke arah saya. Saripudin, Aini, San dan beberapa orang lain, dalam gelap jelaga malam, sedang menyalakan lilin tanglung masing-masing.

Tiba-tiba wanita itu menjengah kami. Oh, ibunya! Saya yang pertama disapa, "Terima kasih kerana memujuknya. Kau memang anak yang baik, sahabat yang baik. Begitulah, dalam seribu kesedihan, katanya, kaulah yang selalu hadir untuk menemaninya."

Saya terpempan. Begitukah makna persahabatan kami di matanya? Dalam kelam malam, saya melihat matanya bersinar. Cantik! Itulah antara makna keindahan dalam seluruh hidup saya.

Antara rindu merahnya biji saga, *xiang si dou*, dilapisi rindu antara sahabat lama, saya tersentak dengan kata-kata, "Kenapa ibu beli biji saga?" Saya menoleh. Gadis comel dengan renda merah jambu di kiri dan kanan rambut halusnyanya, memaut tangan wanita tinggi lampai itu.

"Ia lambang persahabatan, sayang. *Xiang si dou*. Merahnya hangat, sehangat persahabatan, sayang."

Saya terhenti daripada membelek beberapa

batang kayu penyepit yang berukiran pada pangkalnya. Ada getar pada suara wanita itu. Seseekali ada sergahan ketawa dan komentar tentang barang jualan, berselang-seli dengan harum kayu – cendana, semangkuk atau harum daripada lidi setanggi yang dibakar di sudut galeri. Ruang kedai hiasan dalaman yang saya sewa dengan nama Memori Saga. Saya susun, sejak melangkah garis lawang, beberapa rangka gambar *xiang si dou* menuju ke kelompok perabot kecil – meja konsul, kerusi sepasang, meja kopi atau pengadang kayu di ruang tengah. Biji-biji saga yang mengisi perut botol atau ada yang di dalam uncang, saling bertindihan di dalam bakul anyaman, atau ada yang memenuhi perut tirus mangkuk kayu; masih menjadi tumpuan mereka – wanita di hadapan saya dan anak comelnya.

Oh Tuhan, persis ada serbuan sekumpulan angin hangat dalam kenangan saya! Dan, angin itu seperti selalu akan bersetuju, kami pernah sama-sama memungut biji-biji saga di hadapan padang sekolah. “Saya ingin minta mama kamu membuat batu seremban buatku dan Aini.”

Sewaktu memenuhi uncang jahitan mama dengan biji-biji saga, saya sebenarnya ingin sekali memujuknya, “Aduhai sahabatku, jangan menangis! Lukisanmu memang hebat untuk mewakili sekolah kita dalam pameran di ibu kota. Tapi, entah macam mana siang tadi Mrs. Dorota masih mahu lagi menguji kehebatanmu dengan lukisan yang lebih luar biasa. Engkau harus cuba menghasilkan lukisan yang lebih

baik. Ayuh, bagaimana kalau kau melukis *xiang si dou*? Merahnya hangat, sehangat persahabatan kita.”

Saya tahu, saya sedang cuba memujuk seribu kesedihannya. Bukan sahaja soal *xiang si dou*. Bukan sahaja soal lukisannya. Semalam, bertemankan Aini, dia bercerita kepada kami berita yang sarat gundah. “Kami sekeluarga akan berpindah dari pulau. Ayah tak mampu untuk menanggung perbelanjaan yuran tahunan saya yang besar jika saya teruskan persekolahan di sini. Saya akan menyambung sekolah di negara asal ayah. Kami akan berpindah pada hujung tahun ini.”

“Tapi, bukankah kau sekeluarga rakyat asal pulau ini?”

“Ya, hanya saya dan ibu. Ayah dari negara utara. Ayah hanya ada permit belajar dan bekerja di sini. Kami hampir tiada hak di pulau ini setelah tangan politik memisahkannya daripada negara utara.”

“Bagaimana dengan kami? Ibu dan ayahku juga dari hujung benua. Hanya saya yang dilahirkan di pulau ini, sama seperti kau. Tapi bagaimana pula dengan segala hak kami?”

Aini memandangi kami berdua. Begitulah kesedihan yang muncul tiba-tiba. Dengan payungan *mu ma huang*, kami serentak mahu mengadu kesedihan yang kian membuak dalam dada. Kami memejamkan mata rapat-rapat, berdoa agar segala kebaikan dan perlindungan diberi Tuhan kepada kami. Dan, saya segera melengkapkan doa semoga

ANTARA RINDU XIANG SI DOU

sahabat saya terus bersama-sama kami; bersama-sama saya hingga bila-bila.